

Kuartet renang

4x200 meter

gaya bebas

UiTM berjaya

memenangi pingat

emas pada

temasya SUKIPT,

semalam.



SUKIPT kecoh guna atlet Indonesia

Oleh Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

Kuala Lumpur

Temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2014 (SUKIPT2014) yang sedang berlangsung di sekitar Lembah Klang, di sini, diselubungi kontroversi apabila pelajar luar didakwa turut mewakili sebuah pasukan universiti.

Dakwaan itu dibuat Universiti Putra Malaysia (UPM) ke atas tuan rumah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) apabila dikatakan menggunakan lapan atlet kebangsaan Indonesia yang belajar di situ menerusi program pertukaran pelajar.

Ketua Kontinjen UPM, Hamzah Ismail, berkata pihaknya sudah mengemukakan bantahan tetapi ditolak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan SUKIPT.

» *Difahamkan ia bercanggah dengan klausa AUKU; kontinjen UPM sudah buat bantahan*

2014 selepas mendapat pertimbangan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dengan alasan sudah memaklumkan kelayakan pelajar terbabit ketika taklimat.

"Makluman itu juga diberikan sehari sebelum SUKIPT dan tiada notis bertulis diberikan untuk makluman semua pasukan. UiTM juga menggunakan kelonggaran peraturan SUKIPT 3.3.1 dengan mendaftarkan atlet Indonesia dalam program pertukaran pelajar.

Bukan pelajar luar

"Pelajar Indonesia yang digunakan sebagai atlet adalah kategori pelajar luar dan tidak layak menyertai SUKIPT. Difahamkan

ia menyalahi klausa Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) kurungan 14 (A), iaitu pelajar yang mengikuti kursus pengajian di universiti, tetapi bukan pelajar luar," katanya.

Semma atlet terbabit bertanding bagi acara renang dan badminton yang menyaksikan mereka menyumbang 11 emas.

Dalam pada itu, dalam acara karate yang berlangsung semalam, dua atlet kebangsaan meneplatkan sasaran apabila mengunggulinya.

Nur Eleena Anis Ab Malek, yang mewakili Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC), meraih emas kumite bawah 50kg selepas menang tipis 3-2 ke atas lawannya C Maalani

dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Nisha menang emas

Pingat gangsa dikongsi bersama Siti Ainun Nazirah Harizan (UiTM) dan Nursyafiqah Abdul Rashid (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Pemenang pingat emas Sukan SEA Myanmar, A Nisha dari Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) turut meraih emas apabila menundukkan lawannya Nur Safiah Ghazali 9-0 dari Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Kuantan.

Gangsa pula menjadi milik M Yukanathan (UPM) dan Sakinah Mazlan (Universiti Malaysia Pahang). Dalam kategori bawah 61kg, M Mathivani (UPM) menang ke atas Salina Abdul Hamid dari KPTM Kuantan. Pingat gangsa milik Tanti Taurina Tousun (UiTM) dan Syarulniza Abdul Jamil (Universiti Malaya).